

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 24 September 2020 9:27 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PEGAWAI MUDA PERLU PEKA SITUASI SEMASA NEGARA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 SEPTEMBER 2020 / 6 SAFAR 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Ihsan Kor SISPA

PEGAWAI MUDA PERLU PEKA SITUASI SEMASA NEGARA



UUM ONLINE: Perlis - Pegawai Muda Angkatan Pertahanan Awam (APM) diingatkan agar sentiasa peka dengan situasi semasa negara dan bersedia untuk berkhidmat pada bila-bila masa sahaja.

Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertitah, Pegawai Muda APM juga harus tahu tindakan yang perlu diambil apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan.

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku yang juga Canselor UniMAP bertitah di Majlis Pentauliahkan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan Kali ke-11 Tahun 2020 di Dewan Kecemerlangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kampus Pauh Putra, baru-baru ini.

Seramai 301 pegawai kadet dari tujuh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah ditauliahkan dengan gelaran Pegawai Muda berpangkat Leftenan Muda.

Antaranya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku turut diiringi Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Hadir sama, Ketua Pesuruhjaya APM, Datuk Roslan Wahab dan Komandan Kor SISPA dari pelbagai universiti awam di Malaysia, manakala UUM diwakili Timbalan Komandan Kor SISPA UUM, Lt. Kol. (PA) Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki.

Prof. Ts. Dr. Norazah berkata, penglibatan dalam aktiviti berpakaian seragam seperti Kor SISPA dapat membina jati diri dan melahirkan anak muda sebagai pemimpin masa hadapan negara.

“Sikap amanah, berani dan kekuatan diri menjadi teras jati diri bangsa dan kunci kejayaan terutamanya untuk membangunkan keupayaan kepimpinan dalam apa jua bidang yang diceburi.

“Dengan menyertai Kor SISPA ini banyak manfaat dan ilmu yang diperolehi menjadikan Pegawai Muda APM sebagai ikon kesiapsiagaan awam dalam memikul tanggungjawab bagi membantu APM dalam menghadapi bencana termasuk melaksanakan aktiviti kesedaran keselamatan awam menghadapi kecemasan,” katanya.

Tambah beliau, besar harapannya supaya Pegawai Muda dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dengan menyumbang kepada masyarakat.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.